

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 November 2015

Malaysia kutuk serangan pengganas di Paris

um - 15/11/2015

Cegah keganasan - PM



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Recep Tayyip Erdogan ketika mengadakan kunjungan ke atas pemimpin Turki itu di Antalya, Turki, semalam. - BERNAMA

MALAYSIA yang mengutuk serangan berdarah men-gorbankan 153 orang serta mencederakan lebih 200 yang lain di Paris malam tadi, mahu dunia mengambil tindakan berpatutan untuk mencegah insiden keganasan itu dari berulang.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan di sini pagi ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya sebarang bentuk keganasan yang begitu zalim di Paris terutama terhadap orang awam yang tidak berdosa.

"Saya juga akan menghantar surat takziah kepada Presiden Perancis, Francois Hollande atas kejadian menyayat hati tersebut dan menyatakan pendirian Malaysia untuk bekerjasama dengan Perancis dan negara-negara lain bagi menghadapi ancaman yang serius ini.

"Erdogan juga (dalam pertemuan pagi ini) beritahu saya (bahawa) salah satu fokus utama Sidang Kumuncak G20 ini juga mengenai soal keganasan, lebih-lebih lagi dengan insiden (yang terjadi) di Paris.

"Banyak topik (G20) akan ber-kisar tentang keganasan dan dunia perlu tingkatkan usaha untuk menangani isu ini secara serius. Di Turki sendiri, memang ada ancaman ini dalam bentuk kejadian letupan di stesen kereta api bulan lalu (di Ankara) yang mengorbankan 102 orang," kata beliau.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam tadi dalam lawatan kerja tiga hari sempena Sidang Kumuncak Pemimpin G20 atas kapasiti Pengerusi ASEAN 2015, turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Erdogan di Pusat Konven-

syen Regnum Carya di sini.

Terdahulu dalam twiternya, Najib mengecam serangan di Paris yang disifatkan sebagai perbuatan kejam terhadap orang awam yang tidak bersalah.

Laporan dari Paris menyatakan lebih 100 orang terbunuh dalam serangan bom dan senjata api di dewan konsert Bataclan, restoran-restoran di pusat bandar dan berhampiran Stade de France

Sebanyak lapan militan berjaya dibunuh dengan tujuh daripadanya merupakan pengebom berani mati.
- MINGGUAN